

# PENGLIBATAN C.C. TOO DALAM PENERBITAN AKHBAR PROPAGANDA ANTI-KOMUNIS *NEW PATH NEWS*

Aishah Norasyikin Zulaili\*

## Abstrak

Selain daripada aktiviti ketenteraan yang dilaksanakan oleh British dalam menghadapi pihak komunis, kaedah *psywar* atau perang saraf turut dilaksanakan. Antara tindakan yang dilakukan adalah dengan melancarkan propaganda melalui penerbitan akhbar khusus iaitu akhbar *New Path News* (NPN). British menyedari bahawa tindakan ketenteraan tidak akan sepenuhnya berjaya kerana Parti Komunis Malaya (PKM) bukan sekadar mempunyai anggota di dalam hutan yang menjadi tentera PKM termasuklah organisasi yang dikenali sebagai Min Yuen. Tetapi juga kalangan yang memberi sokongan, bantuan dan perlindungan kepada PKM. Sebahagian mereka juga bergerak di dalam diam dan keadaan ini menyebabkan kaedah yang lebih “lembut” diperlukan bagi mendedahkan kepada mereka mengenai “kebenaran” ideologi komunisme. Oleh itu, British menjadikan akhbar-akhbar sebagai medium penyebaran propaganda ini dan antara akhbar yang penting pastinya NPN. Antara watak penting dalam usaha ini ialah C.C. Too dan perbincangan di dalam tulisan ini memberikan perhatian terhadap perkaitan antara beliau dengan penerbitan akhbar NPN ini.

**Katakunci:** *psywar, New Path News, PKM, Min Yuen*

## Abstract

*In addition to conventional military operations against the communists, the British strategically employed psychological warfare (psywar) to undermine the influence of the Malayan Communist Party (MCP). Central to this effort was the deployment of newspapers, particularly the New Path News (NPN), as instruments of propaganda. The British recognized that military measures alone would be insufficient, as the MCP's network extended beyond armed combatants in the jungles—including members of the Min Yuen organization—to include covert supporters who provided logistical assistance and shelter. Addressing this broader base of influence required more nuanced and indirect methods to communicate the British perspective*

---

\* Aishah Norasyikin Zulaili Iulusan Sarjana Sejarah, Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

*on communist ideology. This study critically examines the role of C.C. Too in the conceptualization and dissemination of NPN, highlighting the mechanisms through which the publication functioned as a tool of psywar. By situating NPN within the broader context of British counterinsurgency strategies, the paper illuminates the intersection of media, propaganda, and colonial governance in shaping public perception during the Malayan Emergency.*

**Keyword:** *psywar, New Path News, PKM, Min Yuen*

## **Pengenalan**

Artikel ini membincangkan tentang latar belakang akhbar NPN. Menurut *Kamus Dewan*, akhbar bermaksud khabar, berita atau warta.<sup>1</sup> Penerbitan akhbar NPN adalah salah satu cara yang digunakan bagi menjalankan idea Sir Gerald Templer, Pesuruhjaya Tinggi British dalam memenangi “*hearts and minds*” penduduk Tanah Melayu. Sir Gerald Templer berpendapat yang ancaman komunis perlu ditentangi dengan secara menyeluruh, iaitu secara fizikal dan psikologi. Perang psikologi menentang komunis bermula apabila lahirnya idea ini. Secara keseluruhannya, bab ini memberikan perhatian kepada akhbar NPN bukan sahaja latar belakang penerbitannya, tetapi juga beberapa perkara penting mengenai akhbar ini termasuk pencedarannya.

## **Latar Belakang Penerbitan *New Path News***

Pengalaman British dalam Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua memberi kesedaran betapa pentingnya aspek propaganda. Ketika era Perang Dunia Pertama, British terpaksa berhadapan dengan propaganda pihak Jerman dan Turki. Apabila Perang Dunia Pertama meletus, British sebenarnya masih tidak mempunyai organisasi atau jabatan untuk mengurus dan menyebarkan propaganda atau membuat propaganda-balas secara sistematik. Hal ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat kabinet pada penghujung Ogos 1914 dan satu gesaan dilakukan agar satu organisasi khusus dibentuk bagi mempengaruhi pandangan awam mengenai situasi dan keadaan peperangan agar berpihak kepada British.<sup>2</sup> Daripada gesaan inilah maka wujudnya sebuah organisasi khusus bagi menguruskan propaganda British sepanjang zaman perang melalui penubuhan *Department of Wellington House* (DOWH) yang dikendalikan oleh C.F.G. Masterman. Dalam tindakannya, pelbagai alat digunakan termasuk peta, pamflet, risalah, gambar, artikel dan sebagainya. Selain itu, akhbar dan majalah menjadi medium propaganda yang penting.<sup>3</sup> Keadaan yang sama turut berlaku ketika era Perang Dunia Kedua.

---

1 *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 19.

2 Cabinet Papers CAB 41/35/38, 1914 sebagaimana dipetik di dalam Muhammad Aslah Akmal Azmi dan Mohd Samsudin, “Propaganda British di Tanah Melayu pada Zaman Perang Dunia Pertama, 1914-1916”, *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 34, No 4, 2018, hlm. 22.

3 *Ibid.*

*Propaganda was to play a very important role in the British war effort during World War II, although the authorities were very hesitant in employing such methods at the beginning of the war. When strategically planning for the conflict, the British authorities realized that they had to mainly boost and retain a good level of morale and patriotism in the home front and among their troops and at the same time create propaganda aimed at the German population in an effort to spread doubt and fear and also in order to try and manipulate opinions so as to turn the German people against their Nazi government.*<sup>4</sup>

Oleh itu, beberapa agensi dan organisasi yang mengendalikan urusan mengenai propaganda ketika Perang Dunia Kedua diwujudkan termasuklah *Electra House*.<sup>5</sup> Selain itu, Kementerian Penerangan (*Ministry of Information*), agensi perisikan seperti *Secret Intelligence Services* (MI6) dan BBC turut memainkan peranan dalam hal ini.<sup>6</sup>

Pengalaman British inilah yang menyebabkan hal-ehawal propaganda turut diberikan perhatian ketika British menghadapi ancaman komunis di Tanah Melayu. Hal mengenainya dibangkitkan ketika perjumpaan kali ke-15 *Commissioner-General* di Bukit Serene pada bulan Jun 1950, Setiausaha Kolonial Griffiths telah menyampaikan kebimbangan pihak London tentang kemaslahatan kekurangan propaganda di Tanah Melayu yang dapat membantu gerakan menentang komunis kepada Sir Henry Gurney, yang merupakan Pesuruhjaya Tinggi British ketika itu. Pihak London juga menawarkan untuk meminjam seorang pakar dari *British Broadcasting Corporation* (BBC) selama setahun. Ini disambut baik oleh Sir Henry Gurney dan sekitar bulan September 1950, Hugh Carleton Greene tiba di Tanah Melayu.<sup>7</sup> Greene tiba di Tanah Melayu pada 19 September 1950 dan sepatutnya dilantik sebagai pegawai Operasi Darurat (*Emergency Operations-EO*) di bawah Briggs, namun setelah membuat lawatan ke sekitar Persekutuan Tanah Melayu dan bertemu dengan staf *State War Executive Committee* (SWEC) dan *District War Executive Committee* (DWEC), beliau pulang ke Kuala Lumpur untuk membuat laporan. Proses ini akhirnya membawa kepada penubuhan *Emergency Information Services* (EIS) pada September 1950.<sup>8</sup>

EIS ditubuhkan dengan tiga tujuan utama. **Pertama**, untuk meningkat kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dan meningkatkan aliran informasi dari masyarakat kepada pihak polis. **Kedua**, untuk meruntuhkan semangat ahli *Malaysian Races Liberation Army* (MRLA), *Min Yuen* dan penyokong-penyokongnya serta mewujudkan jurang dan salah faham antara ketua dan para pengikut bagi menggalakkan pembelotan dan penyerahan diri berlaku. Ketiga pula, bagi mewujudkan kesedaran bahawa cara hidup secara demokratik sedang diancam

- 
- 4 Myrto Sereti, "Propaganda and the Second World War. The Cases of Great Britain and Germany", Master Thesis, Department of Balkan, Slavic and Oriental Studies & the Department of International and European Studies, University of Macedonia, 2024, hlm. 18. Lihat juga Urvashi Gautam, "Image of the Enemy: German and British Propaganda in the Second World War, Proceedings of the Indian History Congress, Vol. 73, 2012.
- 5 *Electra House* merupakan ibu pejabat kepada Jabatan EH yang terlibat di dalam memantau komunikasi kedutaan asing di London dan terlibat di dalam propaganda British yang ditubuhkan pada tahun 1938. Lihat Y.M. Sreatfield, *The Major Developments in Political Warfare Throughout the War, 1938-1945*, CAB 101/131, hlm. 8.
- 6 Myrto Sereti, "Propaganda and the Second World War. The Cases of Great Britain and Germany", hlm. 18.
- 7 Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, Surrey: Curzon Press, 2002, hlm. 105
- 8 *Ibid.*, hlm. 106

oleh komunisme. Dalam masa yang sama, perhatian EIS kelihatannya bertumpu kepada bahan-bahan maklumat dalam bahasa Cina. Hal ini ada kewajarannya kerana kalangan orang Cina mendominasi pergerakan komunis. Pada tahun 1951 sahaja, sejumlah 820 risalah telah dikeluarkan termasuk tiga akhbar berbahasa Cina. Meskipun kebanyakan risalah dihasilkan di peringkat daerah atau negeri, namun ia perlu disemak dan diluluskan di peringkat pusat. Ini bagi mengelakkan berlakunya kesalahan atau pertindihan dengan dasar kerajaan. Selain itu, EIS turut bertanggung jawab membaca, meneliti, menyemak bahan-bahan yang berjaya di rampas oleh pihak berkuasa daripada operasi-operasi yang dijalankan terutamanya oleh pihak tentera dan bahan-bahan ini kemudiannya digunakan sebagai bahan propaganda.<sup>9</sup>

Hugh Carleton Greene yang tidak boleh berbahasa Cina sedar akan keperluan untuk mendapatkan staf yang mempunyai kepakaran dalam bahasa tersebut bagi membantunya untuk merangka propaganda yang sesuai untuk disebar kepada orang Cina khususnya. Pada 26 Februari 1951, Greene telah merekrut seorang Cina yang “*pendek, botak dan berkaca mata*” bernama Too Chee Chew atau lebih dikenali sebagai C.C. Too sebagai Penolong Cina atau *Chinese Assistant*.<sup>10</sup>

C.C. Too yang merupakan seorang berketurunan Kantonis lahir pada 31 March 1920. Ayahnya bernama Too Choo Sun dan datuknya Too Nam pernah terlibat dalam pergerakan revolusi China dan pernah mengajar Sun Yat Sen. Pendidikan awal Too bermula dalam aliran bahasa Cina, tetapi dia kemudiannya bersekolah di *Methodist Boys School* di Kuala Lumpur. Pada tahun 1938, beliau adalah calon terbaik di Kuala Lumpur untuk Peperiksaan Sijil Persekolahan *Cambridge*, mendapat enam A1 dan dua B2. Beliau kemudiannya mengikuti kursus sains di *Victoria Institution*, sebelum dianugerahkan biasiswa dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) untuk melanjutkan pengajian tinggi di *Raffles College* di Singapura. C. C. Too menuntut di Kolej Raffles dari tahun 1939 sehingga 1941 dan menunjukkan bakat kepimpinan dan kualiti yang cukup tinggi yang ditunjukkan apabila beliau dipilih sebagai Presiden Persatuan Pelajar. Pada tahun yang sama, Jepun memulakan pencerobohan mereka di Asia Tenggara. Perkara ini telah mengganggu pengajian C.C. Too dan beliau tidak dapat menamatkan kursusnya di Kolej Raffles, tetapi telah dianugerahkan diploma perang dalam bidang sains (bersamaan dengan BSc) selepas tamat Perang Dunia Kedua, pada tahun 1947.

Gambar : Too Chee Chew (C.C. Too)



Sumber: Herbert A. Friedman, “Psychological Warfare of the Malayan Emergency, 1948-1960”, dlm. <https://www.psywarrior.com/MalayanEmergency.html>, diakses pada 1 April 2024.

9 “Application No. 600/52”, H.E.I.S, 16 Jun 1952.

10 Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, hlm. 106.

Semasa pengajiannya, C.C. Too telah berkawan dengan Eu Chooi Yip (余柱业). Mereka berpisah selepas pencerobohan Jepun, dan C.C. Too tidak berhubung dengannya lagi sehingga beliau mengambil bahagian dalam perancangan Operasi Coldstore.<sup>11</sup> Too hanya mengetahui bahawa Eu telah menyertai komunis pada ketika itu. Semasa berlakunya pendudukan Jepun, C. C. Too telah menghabiskan masanya di kelab buku Kuala Lumpur, di mana dia membaca semua buku yang ada. Beliau juga menceburi bidang fotografi apabila bapanya telah memberinya sebuah kamera baru pada tahun 1945, sejurus sebelum tamatnya peperangan, kerana telah menjangkakan bahawa mata wang Jepun akan menjadi tidak bernilai selepas zaman pendudukan Jepun.

C.C. Too memulakan kerjayanya secara rasmi apabila menerima tawaran bekerja di Pejabat Konsulat dari China oleh wakil Konsul sendiri. Kedatangan wakil konsulat ini adalah bertujuan untuk membangunkan semula Konsulat China di Kuala Lumpur. C.C. Too melihat peluang ini sebagai satu peluang bagi berkhidmat untuk masyarakat Cina. Dari April 1946 sehingga Januari 1950, C.C. Too telah berkhidmat sebagai Setiausaha kepada Pejabat Konsul China dan telah membantu dalam usaha membanteras *Overseas Chinese Anti-Japanese Army* (OCAJA) di Bentong, kerjasama dengan Komander R.G.K. Thompson, *RAF Intelligence* dari *British Military Administration* (BMA). Tempoh pekerjaan C.C. Too di sini tamat pada Januari 1950 apabila Britain tidak mengiktiraf Republik China yang menyebabkan penutupan Konsulat China di Tanah Melayu.<sup>12</sup> Berdasarkan surat yang dihantar oleh C.C. Too kepada Robert Thompson bertarikh 27 November 1950, peristiwa C.C. Too kehilangan kerja setelah penutupan Kedutaan China kelihatan menjadi antara faktor yang menyebabkan C.C. Too merasa kecewa dan berkemungkinan menyimpan dendam kepada komunis. Perlu disebut, pada tahun 1949, Parti Komunis China telah berjaya membentuk kerajaan dan perkembangan ini menyebabkan banyak negara yang anti-komunis mengambil keputusan untuk menutup kedutaan China di negara masing-masing. Tindakan yang sama diambil oleh Britain dan Tanah Melayu yang masih berada di bawah penguasaan British turut mengambil keputusan yang sama. Sikap C.C. Too terhadap komunis dapat dilihat dalam surat tersebut yang antara lain menyebut, “*Thanks to the communists in China, I have lost my job as well as an excellent means of service so much needed here*”.<sup>13</sup> Ungkapan ini menunjukkan betapa C.C. Too menyalahkan perkembangan di China terutama berkaitan dengan kejayaan komunis menyebabkan beliau kehilangan pekerjaan yang disukainya. Adakah ini menjadi antara faktor yang menyebabkan C.C. Too begitu membenci komunis? Namun peristiwa ini jugalah yang membolehkan C.C. Too memohon pekerjaan sebagai Pembantu Cina untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan aktiviti anti-bandit sebagaimana iklan yang ditawarkan di dalam akhbar. C.C. Too yang melihat iklan tersebut telah menghantar resumennya kepada Robert Thompson. Membaca resume C.C. Too, jelas menunjukkan beliau mempunyai pengalaman berdepan dengan aktiviti-aktiviti perisikan. Di bahagian pengalaman, C.C. Too menulis, “*About a year’s honorary and voluntary liason work with the Field Security and RAF Counter Intelligence in*

---

11 Lihat Poh Soo Kai, Tan Kok Fang and Hong Lysa (eds.), *The 1963 Operation Coldstore in Singapore: Commemorating 50 Years*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre Malaysia (SIRD) and Pusat Sejarah Rakyat Malaysia, 2013.

12 C.C. Too, *Curriculum Vitae*, hlm. 17. Sumber ini diperolehi dalam koleksi C.C. Too di Perpustakaan Peringatan Za’ba

13 Surat drpd C.C. Too, 131 Sultan Street, Kuala Lumpur kepada Thompson, INF 401/52, 27 November 1950.

*K.L. in 1945-6...language & Dialects spoken: Chinese-Cantonese and Mandarin, English*".<sup>14</sup> Perlu disebut juga, ketika ini C.C. Too berusia 31 tahun. Lebih menarik sebenarnya ialah sikap beliau terhadap komunis yang dinyatakan tanpa berselindung di dalam surat tersebut;

*This sort of work [anti-bandit work] appeals to me in that it gives onenan excellent opportunity of returning something to the "comrades" here for what the action of their "comrades" in China caused. In addition, comunism, militant or otherwise, has a great attraction to me: it get on my nerves, and I have long made it a game to do a bit on these "comrades" whenever opportunity arises.*<sup>15</sup>

Maka dengan pengalaman serta kebolehan yang ada pada C.C. Too, tidak hairanlah jika beliau mendapat jawatan tersebut. Kerjaya C.C. Too dalam dunia perang psikologi pula mula secara rasmi sejak Februari 1951. C.C. Too mula bekerja sebagai Pembantu Penyelidik kepada Ketua *Emergency Information Services* (EIS). Beliau kemudiannya menjadi Pembantu Cina kepada Ketua EIS dan selepas itu terus dinaikkan pangkat menjadi Ketua Seksyen Perang Psikologi. Malangnya, C.C. Too telah meletakkan jawatan pada 1 Mac 1953 atas sebab tidak bersetuju dengan polisi yang dimulakan oleh Pengarah Penerangan yang baru dilantik oleh General Sir Gerald Templar, iaitu Eric Peterson.<sup>16</sup> Pada 1 April 1955, C.C. Too kembali berkhidmat sebagai Pembantu Cina kepada Ketua Seksyen Perang Psikologi. Sekembalinya C.C. Too seiring dengan perkembangan gerakan komunis di Malaya yang semakin membimbangkan. Rundingan Damai Baling yang telah berlaku pada 26 Disember 1955 di antara Chin Peng dan Tunku Abdul Rahman telah menjadi satu titik bagi melihat kepada bakat dan kebijaksanaan C.C. Too apabila beliau telah membuat beberapa jangkauan tepat mengenai perkara-perkara yang akan diusulkan oleh pihak PKM. Pada November 1956, C.C. Too kembali berkhidmat sebagai ketua Seksyen Perang Psikologi.

Penglibatannya dengan PKM dan British bermula apabila pihak komunis telah cuba memujuk C.C. Too untuk menyertai mereka semasa dan selepas tamatnya peperangan. Beberapa pemimpin Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA) – sebuah pertubuhan yang kemudiannya akan membentuk sebahagian besar pasukan komunis – telah diperkenalkan kepada Too, malah beliau telah dijemput untuk menyertai MPAJA apabila mereka terbang ke London untuk perarakan kemenangan dan telah diperkenalkan dengan Chin Peng yang kemudiannya menjadi Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya. Walau bagaimanapun, beliau telah menolak pelawaan mereka untuk menyertai pihak komunis.

C.C. Too sebaliknya bertindak sebagai ejen penghubung antara ketua komunis dan MPAJA dengan beberapa pegawai *Office of Strategic Services* (OSS)<sup>17</sup> yang berasal dari Amerika. Pegawai OSS inilah yang memberikan nama C.C. Too kepada beliau dan nama

14 *Ibid.*

15 *Ibid.*

16 C.C. Too, *Curriculum Vitae*, hlm. 17.

17 *Office of Strategic Services* (OSS) adalah agensi perisikan Amerika ketika Perang Dunia Pertama. OSS telah ditubuhkan bagi menyusun dan mengatur aktiviti perisikan terhadap semua musuh Amerika. Fungsi OSS termasuklah menggunakan propaganda, subversif dan perancangan setelah tamatnya perang. OSS dimansuhkan setelah sebulan tamatnya perang dan kemudiannya diganti dengan *Bureau of Intelligence and Research* (INR) dan *Central Intelligence Agency* (CIA). <https://www.cia.gov/legacy/museum/exhibit/the-office-of-strategic-services-n-americas-first-intelligence-agency/> diakses pada 10 May 2024.

itu terus digunakan sehingga akhir hayatnya. Penglibatan pertama C.C. Too dalam perang psikologi melawan komunis adalah apabila beliau berjaya menggalakkan seorang ketua komunis berpangkat rendah untuk menyerah diri dan keluar dari cengkaman komunis. Pada April 1946, C.C. Too bekerja sebagai setiausaha konsulat Republik China dan kemudian dinaikkan pangkat menjadi setiausaha ketua konsulat.

Setelah menganggur selama beberapa bulan, pada bulan November 1950, Too telah memohon untuk mengisi kekosongan jawatan Pembantu Negeri atau *State Assistant, State Emergency Information Officer* selepas membaca iklan jawatan kosong di dalam akhbar yang disiarkan oleh Robert G. K. Thompson yang merupakan *Director of Operations Staff*. Too telah mengenali Thompson sejak tahun 1947 lagi apabila kedua-dua mereka terlibat dalam operasi memujuk gerila KMT di Bentong, selatan Thailand untuk menyerah diri. Too telah membuat panggilan setelah menunggu selama dua minggu tanpa sebarang jawatan atas permohonannya, dan panggilan ini dijawab oleh Greene sendiri yang kemudiannya telah memberitahu bahawa Thompson telah berpindah ke Johor dan kekosongan jawatan ini telah pun diisi. Walau bagaimanapun, Greene masih merekrut Too untuk menyertai EIS.

Sebulan kemudian, Greene berjaya merekrut Lam Swee. Lam Swee yang ketika itu berusia 34 tahun merupakan seorang tukang gunting rambut dan penoreh getah. Ketika Pendudukan Jepun, Lam Swee merupakan ahli PKM negeri Johor. Setelah berakhirnya peperangan, Lam Swee telah menjadi Naib Presiden PMFTU dan kemudiannya *Political Commissar of the Headquarters 4th Corps, MRLA* sebelum kemudiannya meninggalkan komunis. Lam Swee dianggap sebagai satu aset kepada EIS kerana populariti beliau dalam kalangan buruh Cina sebelum era Darurat dan “suaranya” yang mampu bergerak ke seluruh Tanah Melayu.

Greene telah menugaskan Too dan Lam dengan tugas “penyelidikan pengguna” atau “*consumer research*” ke atas propaganda komunis. Tindakan pertama yang diambil Too adalah mengabaikan terjemahan yang telah dilakukan oleh pelajar sekolah menengah Cina yang ralat dan berterabur dan kemudian membuat terjemahan sekali lagi. Too dan Greene juga mewajibkan setiap helaian kertas yang mempunyai sebarang maklumat berkenaan komunis mesti dibawa balik ke Kuala Lumpur oleh pegawai perisikan tanpa mengira kesahihan maklumat tersebut. Too sendiri telah menyemak semua sumber maklumat ini satu per satu. Dalam usaha untuk membentuk gerakan propaganda bagi menarik sokongan orang Cina kepada kerajaan dan melemahkan semangat dan keyakinan komunis, EIS telah mengeluarkan surat khabar NPN mulai Ogos 1951. Cetakan pertama akhbar ini berjumlah 50,000 salinan dan ia dikeluarkan pada setiap hujung bulan.<sup>18</sup>

Dalam masa yang sama, penerbitan akhbar NPN sebenarnya mempunyai matlamat untuk memastikan bahawa pihak kerajaan mempunyai satu suara di dalam usaha propaganda mereka. Hal ini disuarakan oleh Robert Thompson yang antara lain mengatakan,

*The task [propaganda] naturally falls into two categories: information work directed at the insurgents...and information work directed at the public. Not only do the two go together, but the first requires very close co-operation with the intelligence organization. The aim of the first is to reduce the will of the insurgents to fight and*

---

18 Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, hlm. 109.

*to encourage surrenders, while the aim of the second is to rally the population to the side of the government and to encourage positive support for the government in its campaign.*<sup>19</sup>

Jika diperhatikan mengenai hal ini, maka jelas sekali akhbar NPN memenuhi kedua-dua matlamat tersebut sebagaimana yang disentuh di dalam bab keempat dan kelima kajian ini.

## Penerbitan

*Sin Lu Pao* (SLP) atau *New Path News* (NPN) merupakan salah satu alat yang digunakan dalam memenangi “*hearts and minds*” penduduk Tanah Melayu ketika zaman pentadbiran Sir Gerald Templer sejajar dengan Rancangan Briggs yang memandangi perlunya penyebaran “propaganda baik” dalam mempengaruhi minda penduduk termasuklah mereka yang tinggal di daerah pedalaman.<sup>20</sup> Sir Gerald Templer telah memajukan serta menguatkan lagi perkhidmatan penerangan dan perhubungan awam dalam usaha memenangi sokongan penduduk menentang komunis. Pejabat Jabatan Penerangan telah ditubuhkan di setiap negeri dan cawangannya di setiap daerah yang berperanan untuk memberikan penerangan dan menimbulkan kesedaran kepada penduduk tempatan agar menyokong dasar kerajaan untuk menghapuskan pergerakan komunis. Pada peringkat permulaannya, penerangan dan maklumat disalurkan melalui akhbar seperti *The Starit Times*, *Farmer’s News* dan *New Path News* sebelum kerajaan sendiri bertindak mengeluarkan risalah anti-komunis melalui Perkhidmatan Penerangan Darurat yang ditubuhkan dan diletakkan di bawah arahan Alex Josey.<sup>21</sup> Keseluruhannya, terdapat beberapa akhbar yang diterbitkan untuk tujuan propaganda iaitu *Struggle News*, *Farmer’s News*, *Janabahari*, *Panduan Raayat*, *Berita Mata2* dan NPN.<sup>22</sup> Akhbar NPN diterbitkan dan diedarkan pada hari terakhir setiap bulan bermula dari bulan Ogos 1951.

*In August 1951, the first 50,000 copies of a monthly news letter called New Path News was inaugurated or the consumption of the rural Chinese. It was edited by Too and Lam Swee and reactions to it were “very favourable.”*<sup>23</sup>

Akhbar NPN diterbitkan di bawah EIS dan pada 1952, produksi NPN berada di bawah C. C. Too yang kini merupakan Pembantu kepada Ketua Operasi EIS. Pada Januari 1952, penerbitan NPN mencecah 90,000 naskah. C.C. Too bukan sahaja menyediakan deraf berita, tetapi juga bertanggungjawab terhadap *cartoon strip* yang dicetak dalam setiap isu.

- 
- 19 Robert Thompson, *Defeating Communist Insurgency: Experiences from Malaya and Vietnam*, Lonodn: Chatto & Windus, 1966, hlm. 90.
  - 20 Kumar Ramakrishna, *Emergency Propaganda The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, hlm. 104
  - 21 Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022, hlm. 127.
  - 22 Sehingga kini tidak banyak yang diketahui mengenai akhbar-akhbar ini. Lihat senarai akhbar dalam O. C. Distribution Store. Lihat Lampiran 3.
  - 23 Greene Report “Strengthening of the Information Services”, CO 537/7255. Namun begitu, jumlah ini dirasakan jumlah akhbar SLP dan bukannya NPN sahaja. Lihat perbincangan mengenai jumlah cetakan akhbar di dalam bahagian lain bab ini.

Setiap isu NPN mempunyai satu alamat P.O Box atau kotak di pejabat pos supaya para pembaca boleh menghantar surat untuk memberi pendapat atau memberi maklum balas mengenai berita yang dikeluarkan. Alamat P.O. Box yang disertakan adalah P.O. Box 513, Kuala Lumpur Persekutuan Tanah Melayu. Setiap isu yang diterbitkan mempunyai dua edisi iaitu edisi bahasa Inggeris dan edisi bahasa Cina. Edisi bahasa Cina adalah terbitan utama manakala edisi bahasa Inggeris cuma terjemahannya sahaja. Setiap isu bahasa Inggeris mempunyai bilangan antara 17 hingga 20 halaman. Setiap isu yang diterbitkan mempunyai pembahagian yang jelas, terutamanya isu-isu yang lebih awal. Bahagian yang pertama akan dimulai dengan Editorial, Forum Pembaca, Berita, Statistik Anti Bandit, Surat SEP, *Bamboo Curtains News* dan *Strip Cartoon*.

Editorial adalah rencana khas dalam akhbar dan sebagainya yang ditulis oleh editor, pengarang, atau penerbitnya untuk mengutarakan pandangan atau ulasan tentang sesuatu persoalan semasa.<sup>24</sup> Bahagian ini adalah bahagian wajib bagi setiap isu NPN yang telah dikeluarkan. Setiap isu mengandungi sebuah artikel yang dikarang oleh editor NPN bagi mengemukakan pendapat dan pandangan mereka terhadap ancaman komunis ke atas Tanah Melayu. Kepanjangannya artikel-artikel ini dari satu hingga ke dua muka surat. Artikel editorial isu No. 23 yang bertajuk "*Our Policy Remains Unchanged – Undaunted*" membincangkan pendapat editor tentang sebab komunis patut ditentang. Editor berpendapat komunis patut ditentang kerana teorinya yang bodoh, janji palsu, mengamalkan kejahatan dan ketuanya yang licik.<sup>25</sup> Isu ke 25 pula menerbitkan artikel bertajuk "*By Saving Their Own Lives The Communists Can Prevent Further Loss of Life To The Public*". Artikel ini membincangkan tentang kebergantungan komunis terhadap orang awam. Perkembangan komunis dapat diperlahankan dan seterusnya dihentikan sekiranya orang awam berhenti memberi bantuan kepada mereka. Di antara ancaman komunis dan usaha kerajaan dalam menangani ancaman ini, pihak yang tersepit adalah orang awam sendiri. Oleh itu, kerajaan telah mengeluarkan tawaran penyerahan diri yang baharu dengan harapan penyerahan diri akan menghentikan keganasan komunis dan sekali gus membawa keamanan kepada orang awam.<sup>26</sup>

Forum Pembaca atau *Reader's Forum* adalah bahagian di mana surat dari pembaca akan disiarkan dan editor juga kadang kala akan membalas semula surat-surat ini dan jawapan balas editor turut akan diterbitkan di bahagian ini. Dalam isu No. 25, NPN menerbitkan surat kirim pembaca yang mengkritik dan mencabar para editor akhbar untuk menerbitkan surat kirimannya. Pengirim surat yang menggunakan nama pena "*Anti Violence and Traitors*" mengatakan bahawa sistem pengedaran akhbar NPN tidak tersusun dan ia tidak sampai ke setiap rumah, kampung dan bandar. Beliau juga mengatakan akhbar ini tidak dikenali oleh orang Cina, dan tidak menjadi buah mulut orang ramai seperti yang digambarkan oleh editor NPN sendiri. Pengirim surat ini mengecam dan memanggil mereka yang bekerja untuk menerbitkan akhbar ini sebagai pengkhianat tidak tahu malu yang telah menipu orang ramai. Isu yang sama turut menerbitkan surat dari Han Peck Seak yang merupakan pembaca setia akhbar NPN sejak isu ke-21 lagi. Beliau menyatakan persetujuan terhadap isi dan isu yang dikemukakan oleh akhbar NPN. Han Peck Seak turut menulis surat balas bagi surat yang diterbitkan di isu ke-24.

---

24 *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 303.

25 *New Path News (Sin Lu Pao)*, Editorial, Isu 23, 31 Ogos 1953.

26 *New Path News (Sin Lu Pao)*, Editorial, Isu 25, 31 Oktober 1953.

Bahagian Berita adalah bahagian utama akhbar NPN. Bahagian ini menyiarkan berita semasa yang berlaku di Tanah Melayu. Antara berita yang disiarkan dalam isu ke-25 bertajuk “*Another Communist Leader Killed By One of His Own Men*”. Berita ini adalah berkenaan ahli komunis bernama Kok Fei yang telah membunuh ketuanya, Kek Guan, Ahli Jawatankuasa Daerah yang terkemuka dan Komisar Politik Platun Bebas Kelapan PKM di Kedah Selatan dan Ah San, seorang ahli PKM wanita yang juga merupakan penulis peribadi Kek Guan sebelum melarikan diri dan menyerahkan diri di balai polis Sungei Kob di daerah Kulim, Kedah pada 29 September. Dalam usaha melarikan diri dari PKM, Kok Fei membuat keputusan untuk menembak Kek Guan namun tembakannya tersasar. Beliau sempat merampas pistol yang terdekat dengannya, milik Ah San. Dalam pergelutan yang berlaku, Ah San telah turut ditembak. Kok Fei telah membawa senjata api milik Ah San semasa melarikan diri dan menyerahkannya kepada pihak polis. Pegawai penguasa mengambil masa hampir seminggu bagi menjejaki mayat kedua-dua mangsa dan mayat mereka ditemui oleh platun “C” Kompeni Kelima Regimen Melayu, lebih kurang 100 meter dari tempat mereka ditembak.

Bahagian Berita ini turut menceritakan latar belakang Kek Guan dan bagaimana beliau menyertai PKM. Kek Guan berketurunan Hakka dan dilahirkan di Alor Setar. Beliau berumur 37 tahun. Minatnya terhadap komunis bermula apabila beliau dipenjarakan oleh Jepun ketika Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Beliau terpengaruh dengan ahli komunis yang beroperasi dari dalam penjara dan setelah dilepaskan dari penjara pada 1945, Kek Guan secara rasmi menyertai PKM. Penyertaan Kek Guan bermula di Utara Kedah namun beliau kemudiannya ke Selatan Kedah bagi mengetuai pekerja estet. Kek Guan kemudiannya menyertai Jawatankuasa Daerah Selatan Kedah pada 1949 dan dilantik sebagai setiausaha. Pada 1951, Kek Guan dilantik sebagai Komisar Politik Platun Bebas Kelapan PKM. Bahagian seterusnya adalah *Anti Bandit Statistics*. Bahagian ini memaparkan jumlah kematian, tangkapan, cedera dan serah diri pihak PKM, dan kematian, kecederaan dan kehilangan dari pihak keselamatan dan awam. Statistik ini sangat penting bagi menunjukkan keberkesanan operasi keselamatan dan kekalahan di pihak PKM.

**Jadual 3.1: Statistik *Anti-Bandit***

	PKM	Pihak Keselamatan	Awam
Kematian	92	5	8
Penangkapan	5		
Penyerahan Diri	35		
Kecederaan	29	1	2
Hilang	-		3
Jumlah Mangsa	132	6	13

Sumber: “*Anti Bandit Statistics*”, *New Path News (Sin Lo Pao)*, Isu 25, 31 Oktober 1953, hlm. 10

Bahagian surat pembaca menyiarkan surat yang ditulis oleh oleh kalangan pembaca termasuklah mereka yang dirujuk sebagai *Surrendered Enemy Personnel* (SEP). Mereka merupakan ahli PKM yang telah menyerahkan diri dan meletakkan senjata. Mereka diwajibkan menyertai Pusat Pemulihan sebelum dilepaskan untuk menyertai masyarakat. Isu No. 25 menyiarkan surat SEP yang ditulis oleh Khor Sait Joo atau Ah Tan. Ah Tan merupakan ahli

*New Democratic Youth League* (NDYL) apabila pertubuhan ini diharamkan oleh kerajaan British. Ah Tan ke Gelang Patah dan bekerja sebagai penoreh getah untuk mengelakkan dirinya dari ditahan pihak berkuasa. Ah Tan ingin menyerah diri tapi bimbang akan polisi kerajaan terhadap orang yang menyerah diri. Oleh itu Ah Tan teragak-agak dan terus bersembunyi sehingga beliau mendapat tahu dari pekerja Min Yuen bahawa semua SEP dilayan dengan baik oleh pihak kerajaan. SEP juga boleh mencari pekerjaan dan kembali ke pangkuan keluarga masing-masing. Ah Tan juga berpendapat bahawa keganasan yang dilakukan oleh PKM adalah salah dan keterlaluan. Kemusnahan yang telah dilakukan seperti membakar kereta dan merosakkan pokok getah hanya akan membuatkan kepercayaan masyarakat terhadap PKM meluntur. Ah Tan juga menyatakan bahawa PKM tidak membantu memperbaiki keadaan politik di Tanah Melayu, tidak menerima sokongan masyarakat secara meluas dan akan gagal dalam perjuangannya. Oleh itu, beliau mengambil keputusan untuk menyerah diri.

*Bamboo Curtains News* adalah berita dari akhbar luar negara berkenaan keburukan, kekejaman dan kelemahan komunis. Akhbar yang disiarkan termasuklah dari *HongKong News*, *Peking News*, *Canton News*, *Tientsin News*, *Sian News*, *ShangHai News* dan banyak lagi. Berita-berita ini penting bagi memaklumkan keadaan dan situasi berkaitan komunis yang berlaku di luar negara, terutamanya di China. NPN diedarkan secara percuma ke seluruh Tanah Melayu. Data penerbitan Sin Lu Pao isu ke 38 dan 39 menunjukkan sebanyak 27,000 naskah akhbar NPN berbahasa Cina telah diterbitkan manakala edisi bahasa Inggeris telah diterbitkan sebanyak 60,000 naskah.

Salah satu bahagian yang terdapat di dalam NPN yang cukup menarik ialah adanya kartun yang bersifat propaganda. Sehingga ke hari ini, tidak ada pengkaji dan penulis yang menyentuh mengenai perihal kartun ini. Penelitian yang dilakukan terhadap akhbar NPN berdasarkan bukan sahaja akhbar itu sendiri, tetapi juga turut disokong dengan pelbagai dokumen di Arkib Negara Malaysia (ANM) menunjukkan bahawa kesemua kartun di dalam NPN dihasilkan oleh seorang kartunis Cina bernama Sim Chin Guan. Tidak banyak maklumat mengenai kartunis ini. Daripada beberapa dokumen-dokumen yang dirujuk menunjukkan beliau berasal dari Singapura dan menetap di 593-F Lorong 25, Geylang Road, Singapura. Selepas Perang Dunia Kedua, beliau didapati menetap di Sungai Rengit Pengerang Johor sebelum berpindah ke Kuala Lumpur. Beliau pernah bekerja di kedai kopi dan kedai runcit. Beliau dilahirkan pada 15 Januari 1925 dan bersekolah di sekolah Cina di Singapura sebelum melanjutkan pendidikan di Nanyang Art College, Singapura.<sup>27</sup> Maklumat yang ada juga menunjukkan bahawa Sim Chin Guan merupakan seorang banduan yang dipenjarakan selama enam bulan bermula bulan Oktober 1952 di penjara di Johor Bharu kerana "*civil offence*".<sup>28</sup> Maklumat daripada surat ini juga menunjukkan bahawa Sim Chin Guan telahpun menghasilkan kartun untuk akhbar NPN sejak bulan Jun 1952. Ini disahkan oleh Major R. J. Issac melalui suratnya bertarikh 12 Ogos 1953 itu yang mengatakan, "*For 15 months Mr Sin Chun Guan has been contributing cartoons to the New Path News...*".<sup>29</sup> Ada kemungkinan ketika itu beliau berada di Sungai Rengit, Pengerang Johor. Setiap kartun yang dihasilkan juga di bayar berdasarkan "*...a day to-day arrangement*".<sup>30</sup> Meskipun beliau berada di dalam penjara,

---

27 "Sim Chin Guan", INF 1787/53, 24 September 1953.


28 Confidential letter from Major R. J. Issac, Head Operations Division Information Services to Assistant Director (A & P), Information Services, INF707/53, 12 August 1953.

29 *Ibid.*

30 *Ibid.*

namun beliau masih terus melukis kartun dan dihantar ke NPN. Setiap kartun juga dibayar berdasarkan harga yang telah ditetapkan dan pembayaran dilakukan melalui Pesuruhjaya Penjara (*Superintendent Prisons*). Pesuruhjaya Penjara turut bertanggung jawab terhadap kartun-kartun yang dihasilkan oleh Sim Chin Guan termasuklah menyediakan peralatan yang sesuai. Selain itu, Sim Chin Guan juga diberikan kebebasan untuk menghasilkan karyanya tanpa sebarang tekanan, “*We would prefer to leave the above mentioned prisoner entirely free to use his own imagination on these cartoons rather than suggest any ideas and thereby direct his thoughts on set lines*”.<sup>31</sup>

Gambar: Contoh Kartun oleh Sim Chin Guan



Sumber: Issue No. 22, New Path News, 31 July 1953

Walau bagaimanapun, tidak diketahui bilakah beliau dibebaskan, namun berdasarkan tempoh yang ada, ada kemungkinan beliau dibebaskan pada bulan Mac 1953. Sebaik sahaja dibebaskan beliau ditawarkan untuk bekerja sebagai kartunis dengan akhbar NPN bermula pada bulan Julai 1953<sup>32</sup> dengan bayaran sebanyak \$250 sebulan, namun perlu datang ke Kuala Lumpur. Antara bidang kerjanya ialah menghasilkan kartun untuk ruangan berikut:

*Behind the Jungle Curtain – 6 strip cartoons*  
*Behind the Bamboo Curtain – 1 large cartoon*  
*Adventures of Ng Lou – 6 cartoons*  
*Adventures of Ah Kow – 5 cartoons*  
*Surrender story – 5 cartoons*<sup>33</sup>

- 31 Surat drpd Major R. J. Isaac, Operations Section, Information Services to The Superintendent of Prisons, Johor Bahru, Johore, November 3<sup>rd</sup>, 1952.
- 32 Surat drpd Sim Chin Guan kpd Major R. J. Isaac, 10 September 1953. Dalam surat ini, Sim Chin Guan merayu agar gaji yang diterimanya dinaikkan kerana jumlah \$250 tidak mencukupi dan jika ia tidak dinaikkan maka beliau terpaksa berhenti kerja dan kembali ke Singapura.
- 33 Confidential letter from Major R. J. Issac, Head Operations Division Information Services to Assistant Director (A & P), Information Services, INF707/53, 12 August 1953.

Di dalam tawaran tersebut, ada juga disebutkan bahawa beliau akan dibekalkan dengan kertas untuk melukis sementara peralatan lukisan yang lain perlu disediakan sendiri. Selain itu, beliau juga akan menerima bayaran tambahan pada setiap karton yang dibuat berdasarkan “on demand” dimana jumlah bayaran akan ditentukan oleh *Chief Artist, Information Services*.<sup>34</sup> Selain menerima gaji secara tetap, beliau juga akan diberikan gaji lebih masa. Misalnya dalam satu surat yang ditandatangani oleh Major R. J. Isaac iaitu Ketua Bahagian Perang Saraf (*Psychological Warfare Section*) bertarikh 2 April 1954 menyatakan bahawa jumlah jam kerja lebih masa Sim Chin Guan antara 15 Mac 1954 hingga 28 Mac 1954 ialah sebanyak 69 jam.<sup>35</sup> Jelas berdasarkan surat ini, Sim Chin Guan merupakan sebahagian daripada mereka yang direkrut sebagai anggota dalam perang saraf British menghadapi komunis.

### Percetakan dan Pengedaran

Akhbar NPN yang diterbitkan dalam bahasa Inggeris serta akhbar SLP yang diterbitkan dalam bahasa Cina mempunyai jumlah percetakan yang berbeza. Adalah jelas bahawa jumlah akhbar SLP jauh mengatasi jumlah akhbar NPN. Berdasarkan Borang Tempahan Penerbitan, Jabatan Penerangan (*Department of Information*) menunjukkan bahawa jumlah cetakan akhbar NPN pada tahun 1953 ialah sebanyak 2, 500 naskah.<sup>36</sup> Jumlah cetakan NPN kemudiannya bertambah pada tahun 1954 kepada 2700 naskah sementara akhbar SLP sebanyak 60,000 naskah.<sup>37</sup> Bagi akhbar NPN, cetakan dilakukan oleh *Khee Meng Press* sementara bagi akhbar SLP pula cetakan dilakukan oleh *China Press*.<sup>38</sup>

Salah satu aspek penting dalam proses penghasilan NPN terletak kepada proses pengedarannya. Proses pengedaran ini merupakan tahap kedua sebaik sahaja akhbar ini berjaya diterbitkan. Berdasarkan kepada penelitian terhadap akhbar ini, “besar kemungkinan”<sup>39</sup> surat khabar ini diedarkan secara percuma kepada sasaran yang telah ditetapkan oleh EIS. Akhbar ini diedarkan di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, dengan keutamaan diberikan kepada negeri Pahang.<sup>40</sup> Jumlah pengedaran NPN di Pahang berjumlah 8530 naskah yang diedarkan ke beberapa daerah iaitu daerah Bentong, Temerloh, Kuantan, Kuala Lipis, Raub, Cameron Highlands, dan Kuala Lipis. Dari jumlah 8530 naskah, bilangan naskah yang paling tinggi diedarkan ke Temerloh dengan bilangan 2070 naskah manakala Kuala Lipis menerima 400 naskah. Kawasan-kawasan Kampung Baru (*Resettlement*) terutamanya di Bentong, Temerloh, Kuantan, Kuala Lipis, Raub dan Cameron Highland merupakan kawasan-kawasan utama yang menjadi tumpuan pengedaran akhbar termasuklah NPN dan SLP.<sup>41</sup>

---

34 *Ibid.*

35 Surat drpd Major R. J. Issac kpd Sim Chin Guan, 2 April 1954, INF 178/53.

36 Borang Tempahan Penerbitan 22 September 1953.

37 Borang Tempahan Penerbitan, 21 Jun 1954; 4 November 1954; 30 September 1954; 31 August 1954; 12 April 1954; 31 May 1954; 22 Mac 1954; 21 Jun 1954.

38 *Ibid.*

39 Ini kerana tiada maklumat yang diperolehi mengenai harga yang tertulis dalam sumber yang diperolehi.

40 “Sin Lu Pao (New Path News)”, EIS 46/51/6.

41 Pada bulan September 1951, sejumlah 400 naskah SLP telah diedarkan. Lihat INF 91/51, 6 September 1951.

Terdapat sedikit perbezaan dalam pengedaran akhbar NPN dengan akhbar SLP. Oleh kerana jumlah cetakan akhbar SLP adalah tinggi, maka asas yang digunakan ialah satu naskah untuk satu rumah/keluarga. Sementara edaran akhbar NPN pula lebih khusus dan dihantar ke lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Untuk kaedah edaran pula, akhbar-akhbar ini boleh diedarkan secara terus dengan menghantar kepada pengurus ladang yang telah dikenal pasti. Selain itu, akhbar turut diedarkan ke kawasan-kawasan bandar dan pekan, kelab, kedai kopi yang telah di kenal pasti yang menjadi tempat tumpuan penduduk. Edaran akhbar juga boleh dilakukan melalui *Chinese Secretariat* yang boleh merekrut kanak-kanak setempat dengan bayaran \$2 untuk mengedarkan akhbar-akhbar tersebut.<sup>42</sup>

## Kesimpulan

Penulisan ini meneliti penerbitan akhbar NPN yang merupakan antara akhbar propaganda anti-komunis yang diterbitkan oleh pihak British. Ini merupakan antara usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak British bagi menghadapi ancaman komunis di Tanah Melayu. Pengalaman yang diperolehi oleh British dalam menghadapi zaman peperangan sama ada Perang Dunia Pertama atau Perang Dunia Kedua menyebabkan aspek mengenai propaganda memang sangat penting bagi membolehkan sokongan masyarakat umum diberikan. Selain itu, artikel ini juga menyentuh mengenai peranan EIS yang diketuai oleh H.C. Greene. Menyedari betapa pentingnya akhbar dalam menyebarkan propaganda, maka EIS telah bertindak untuk menerbitkan akhbar-akhbar dengan sasaran utama kepada masyarakat Cina. Selain itu bab ini turut membincangkan mengenai isi kandungan akhbar ini termasuklah artikel dan rencana yang disiarkan di dalamnya. Penulisan ini antara lain membuktikan bahawa propaganda melalui akhbar merupakan antara “senjata” yang turut digunakan oleh pihak British dalam menghadapi pihak komunis di Tanah Melayu.

---

42 Surat drpd. M.H. Morgan, Chinese Affairs, Pahang kpd The Head Emergency Information Services, EIS/46/51/6.

**Rujukan:**

- “Application No. 600/52”, H.E.I.S, 16 Jun 1952.
- “Sim Chin Guan”, INF 1787/53, 24 September 1953.
- “Sin Lu Pao (New Path News)”, EIS 46/51/6.
- Cabinet Papers CAB 41/35/38, 1914.
- Confidential letter from Major R. J. Issac, Head Operations Division Information Services to Assistant Director (A & P), Information Services, INF707/53, 12 August 1953.
- Gautam, Urvashi, “Image of the Enemy: German and British Propaganda in the Second World War, Proceedings of the Indian History Congress, Vol. 73, 2012.
- Greene Report, “Strengthening of the Information Services”, CO 537/7255.
- Ho Hui Ling, *Pembanterasan Komunis di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2022.
- Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Muhammad Aslah Akmal Azmi dan Mohd Samsudin, “Propaganda British di Tanah Melayu pada Zaman Perang Dunia Pertama, 1914-1916”, *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, Jilid 34, No 4, 2018.
- New Path News (Sin Lu Pao), Editorial, Isu 23, 31 Ogos 1953.
- Poh Soo Kai, Tan Kok Fang and Hong Lysa (eds.), *The 1963 Operation Coldstore in Singapore: Commemorating 50 Years*, Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre Malaysia (SIRD) and Pusat Sejarah Rakyat Malaysia, 2013.
- Ramakrishna, Kumar, *Emergency Propaganda The Winning of Malayan Hearts and Minds 1948-1958*, Surrey: Curzon Press, 2002.
- Sereti, Myrto, “Propaganda and the Second World War. The Cases of Great Britain and Germany”, Master Thesis, Department of Balkan, Slavic and Oriental Studies & the Department of International and European Studies, University of Macedonia, 2024.
- Streatfield Y.M., *The Major Developments in Political Warfare Throughout the War, 1938-1945*, CAB 101/131, hlm. 8.
- Surat daripada Major R. J. Isaac, Operations Section, Information Services to The Superintendent of Prisons, Johor Bahru, Johore, November 3rd, 1952.
- Surat daripada Major R. J. Issac kpd Sim Chin Guan, 2 April 1954, INF 178/53.
- Surat daripada Sim Chin Guan kpd Major R. J. Isaac, 10 September 1953.
- Surat daripada M.H. Morgan, Chinese Affairs, Pahang kepada The Head Emergency Information Services, EIS/46/51/6.
- Thompson, Robert, *Defeating Communist Insurgency: Experiences from Malaya and Vietnam*, London: Chatto & Windus, 1966.